



## PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

### IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN BERTARAF KONTRAK (*CONTRACT OF SERVICE*) DI PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), sebuah organisasi yang bertanggungjawab memberi pinjaman kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi yang layak dan menerima deposit di bawah Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), mempelawa calon **WARGANEGARA MALAYSIA** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan serta berumur 18 tahun pada tarikh tutup permohonan untuk mengisi kekosongan jawatan bertaraf kontrak seperti berikut :

#### **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19 (*CONTRACT OF SERVICE*)**

Klasifikasi Perkhidmatan	: Pentadbiran Dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Taraf Jawatan	: Kontrak ( <i>Contract Of Service</i> )
Pusat Temuduga / Penempatan	: - Menara PTPTN, Kuala Lumpur - Pejabat PTPTN Negeri (PPN) Pulau Pinang
Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM)	: RM1,352.00 - RM4,003.00

#### **SYARAT PERMOHONAN**

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Berkelulusan :
  - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau**
  - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau**

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80);  
DAN**
- (iv) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **CARA MEMOHON DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (**online**) sebelum atau pada **13 Ogos 2019** di pautan :

[https://eform.ptptn.gov.my/JawatanKosong/jawatan\\_kosong\\_ptptn.cfm](https://eform.ptptn.gov.my/JawatanKosong/jawatan_kosong_ptptn.cfm)

#### **MAKLUMAT KHUSUS KEPADA CALON**

- (a) **MAKLUMAN MELALUI E-MEL KEPADA CALON YANG DISENARAIKAN BAGI URUSAN TEMUDUGA**  
Calon yang berjaya dalam saringan/pemilihan temuduga akan dihubungi melalui e-mel bagi urusan temuduga. **Sila pastikan alamat e-mel adalah aktif dan boleh digunakan.**
- (b) **MAKLUMAN MELALUI TELEFON KEPADA CALON YANG BERJAYA DALAM TEMUDUGA**  
Calon yang berjaya dalam sesi temuduga akan dihubungi melalui telefon bagi makluman tarikh lapor diri. **Sila pastikan nombor telefon yang dikemukakan adalah aktif dan masih digunakan.**
- (c) **IMBUHAN / ELAUN**  
Imbuan Tetap Khidmat Awam, Imbuan Tetap Perumahan dan Bantuan Sara Hidup akan dibayar kepada calon yang ditawarkan jawatan yang dipohon.
- (d) **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**  
Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan bagi jawatan-jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- (e) **CATATAN AM**  
Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan jawatan dan urusan temuduga adalah atas tanggungjawab calon sendiri.